

BATM rangkul anugerah tadbir urus syarikat

# BATM rangkul anugerah tadbir urus syarikat

**PETALING JAYA:** British American Tobacco Malaysia Berhad (BAT Malaysia) telah diiktiraf oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) di atas kecemerlangannya bagi tadbir urus syarikat.

BAT Malaysia telah menerima anugerah Kecemerlangan Pendedahan Tadbir Urus Korporat dan Anugerah Kecemerlangan Industri bagi kategori Perkhidmatan dan Produk Pengguna.

Pengarah urusan BAT Malaysia, Nedal Salem berkata, pihaknya sangat berbangga apabila BATM telah diiktiraf oleh MSWG dengan anugerah itu.

“Sebagai sebahagian daripada tujuan membina ‘Hari Esok yang Lebih Baik’, kami berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam tadbir urus korporat.

“Menjalankan perniagaan kami dengan kejujuran, integriti dan ketelusan bukan hanya merupakan perkara yang tepat, tetapi juga penting untuk terus mengembangkan perniagaan yang bertanggungjawab, berjaya dan mampan dalam jangka panjang,” katan-



ya dalam kenyataan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MSWG, Devanesan Evanson berkata, tahun lalu menandakan tahun kesembilan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti menjalankan projek penilaian tadbir urus korporat.

Ujarnya, BAT Malaysia bukan sahaja dikenali dengan konsep tadbir urus korporatnya yang tinggi, BAT Malaysia juga telah membina kepercayaan kepada pelabur dan masyarakat.

“Bukan sahaja itu, pekerja BAT Malaysia juga mendapat manfaat daripada khidmat mereka dengan sebuah syarikat yang mempunyai reputasi korporat yang baik serta memupuk budaya integriti yang membawa kepada prestasi positif dan perniagaan yang mampan,” katanya.